Praktis Topikal 6

Bahagian A Soalan Objektif

Jawab **semua** *soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling* **tepat.**

1 Maklumat berikut berkaitan dengan tamadun **X**.

X
• Terkenal dengan negara kota atau *polis* • Terdapat *acropolis*, iaitu pusat komuniti yang dilindungi oleh kubu

Apakah tamadun **X**?
A Tamadun Rom
B Tamadun India
C Tamadun Mesir
D Tamadun Yunani

2 Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi *polis*?
I Ibu kota
II Pusat pendidikan
III Pusat pemerintahan
IV Pusat tumpuan masyarakat
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

3 Peta 1 menunjukkan kedudukan negara kota dalam Tamadun Yunani.

Peta 1

Apakah **X** dan **Y**?

	X	Y
A	Olympia	Sparta
B	Athens	Corinth
C	Sparta	Athens
D	Corinth	Olympia

4 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan Tamadun Yunani.

> Pemerintahan yang dikuasai oleh golongan bangsawan.

Apakah sistem pemerintahan tersebut?
A Tirani **C** Monarki
B Oligarki **D** Aristokrasi

5 Apakah persamaan antara sistem demokrasi di Yunani dengan sistem demokrasi di Malaysia?
A Raja sebagai ketua kerajaan
B Rakyat terlibat dalam pemerintahan
C Dewan Negara melantik pemerintah
D Dewan Rakyat melaksanakan keputusan

6 Berikut merupakan komponen dalam Dewan Perhimpunan, **kecuali**
I Juri
II Majlis
III Dewan Negara
IV Dewan Rakyat
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

7 Apakah fungsi *ephors* dalam Dewan Perhimpunan?
A Penasihat raja-raja
B Menjadi pemutus kepada sesuatu kes
C Melaksanakan keputusan Dewan Perhimpunan
D Memastikan raja tidak memerintah secara mutlak

8 Maklumat berikut berkaitan dengan Sparta.

> • Kaum wanita menjalani latihan ketenteraan
> • Kaum wanita bertanggungjawab mempertahankan negara

Sparta dikategorikan sebagai sebuah kerajaan
A ketenteraan
B demokratik
C oligarki
D tirani

LIVEWORKSHEETS

9 Kelompok atasan dalam Tamadun Rom dikenali sebagai
A golongan bangsawan
B golongan agama
C *Patrician*
D *Plebian*

10 Apakah aspek yang ditekankan dan tertanam kukuh dalam kalangan warganegara Sparta?
I Taat setia
II Disiplin
III Berani
IV Gagah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor kemajuan seni bina Tamadun Rom?
I Sumber alam
II Buruh asing
III Bahan binaan
IV Dasar pemerintahan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

12 Maklumat berikut berkaitan binaan dalam Tamadun Rom.

- Tempat penyembahan dewa-dewa
- Gaya binaan zaman Yunani

Apakah binaan tersebut?
A Akueduk
B Pantheon
C Amfiteater
D Colosseum

13 Ilustrasi berikut merupakan keratan rentas Pantheon.



Apakah ciri-ciri binaan tersebut?
I Hiasan corak abstrak
II Penggunaan marmar
III Kubah berbentuk bulat
IV Bumbung berstruktur bulat
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14 Berikut merupakan binaan dalam Tamadun Rom.

Apakah ciri-ciri binaan tersebut?
I Ketinggian 500 meter
II Terdapat 80 pintu masuk
III Tempat duduk penonton dibina bertingkat-tingkat
IV Dinding dibina daripada batu bata yang dilepa dengan simen
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15 Maklumat berikut berkaitan binaan dalam Tamadun Rom.

- Marcus Agrippa
- Aqua Appia

Maklumat berikut dapat dikaitkan dengan binaan
A akueduk
B Pantheon
C amfiteater
D Colosseum

16 Apakah fungsi tembok pertahanan yang dibina dalam Tamadun Rom?
A Mengelakkan banjir
B Memudahkan laluan tentera
C Sebagai lambang keagungan Tamadun Rom
D Melindungi Tamadun Rom daripada serangan musuh

LIVEWORKSHEETS